

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. ONG KIAN MING [BANGI]
TARIKH : 7 OKTOBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

DR. ONG KIAN MING [BANGI] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan hasil *Operation Surge Capacity* (OSC) di Lembah Klang dan sejauh mana keberkesanan operasi ini untuk mengurangkan jumlah kes COVID-19 di Lembah Klang.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. *Operation Surge Capacity (OSC)* telah dimulakan pada bulan Julai 2021 berikutan peningkatan kes dan kematian yang mendadak di Lembah Klang dan Negeri Sembilan. Ini ditambah dengan kehadiran virus SARS-CoV-2 daripada jenis varian Delta yang lebih virulen dan merebak pada kadar 6 hingga 8 kali ganda berbanding varian asal dari Wuhan dan peningkatan kadar kemasukan ke wad ICU hospital dan Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 melebihi 100%.

2. Berikutan daripada keadaan ini, *Operation Surge Capacity (OSC)* telah dilaksanakan yang mana bekalan vaksin telah ditambah kepada tiga (3) buah negeri terlibat untuk mencapai sasaran 100% pemberian vaksin kepada populasi sasaran yang berdaftar terutama di kawasan berisiko tinggi bagi tujuan mengawal wabak.

3. Pada hari terakhir pengoperasian OSC iaitu 31 Julai 2021, Lembah Kelang telah mencatatkan pemberian vaksin kepada populasi dewasa sehingga **92.7%** bagi dos 1 dan **35.7%** telah menerima lengkap kedua-dua dos vaksin COVID-19.

4. Berhubung keberkesanan OSC untuk mengurangkan jumlah kes COVID-19 di Lembah Klang, dapat dilihat daripada segi penurunan:

- (i) kadar kemasukan ke wad daripada 89% (pada 1 Ogos 2021) kepada 74% pada 15 September 2021.
- (ii) kadar kemasukan ke ICU sehingga daripada 99% (pada 1 Ogos 2021) kepada 81% pada 15 September 2021.

Sekian, terima kasih.